Eksibit dan Rantaian Keterangan

KAMUS DEWAN MENDEFINISIKAN EKSIBIT SEBAGAI "BARANG KES"

Eksibit adalah apa-apa benda sama ada dalam bentuk dokumen atau objek yang dikemukakan di mahkamah melalui saksi untuk menyokong sesuatu keterangan atau untuk menunjukkan kesalahan dan seterusnya untuk membuktikan kes tersebut

- **Rantaian Keterangan**

- Rantaian keterangan adalah pembuktian pengendalian barang kes atau eksibit dari mula ia diperolehi sehinggalah ia dikemukakan ke mahkamah
- Eksibit atau barang kes ini adalah kebiasaanya eksibit yang boleh alih dan di mana ia tidak boleh dikenalpasti secara spesifik. Contoh dadah, sampel darah dan lain-lain
- Sebelum sesuatu barang kes itu diterima sebagai eksibit di mahkamah satu pembuktian rantaian keterangan perlu dibuktikan untuk menunjukkan ia tidak ditukar, diusik atau dipinda

- DALAM KES JENAYAH PENJAGAAN / KAWALAN / SIMPANAN DAN CARA PENGENDALIAN EKSIBIT ADALAH AMAT PENTING DALAM SESUATU KES SUPAYA RANTAIAN KETERANGAN BERHUBUNG DENGAN EKSIBIT TIDAK AKAN TERPUTUS IAITU KETERANGAN PERLU MENCUKUPI UNTUK MENUNJUKKAN EKSIBIT DIKENDALIKAN DENGAN SEMPURNA DAN SELAMAT DARI MULA IANYA DIPEROLEHI HINGGALAH DIKEMUKAKAN DIMAHKAMAH

- Terdapat dua cara utama rantaian keterangan boleh dibuktikan:-

a) Dengan menunjukkan barang kes tersebut berada secara berterusan, eksklusif dan simpanan yang selamat oleh seseorang atau beberapa orang yang mengendalikannya

b) Dengan menunjukkan barang kes itu telah ditandakan, disealkan atau disimpan dalam bekas yang tidak boleh dibuka pada sepanjang masa.

- **Perlukah memanggil kesemua saksi untuk membuktikan rantaian keterangan tidak terputus**

- ...IT IS UNNECESSARY TO CALL EVERY WITNESS TO ENSURE THAT THERE IS NO BREAK IN THE CHAIN OF EVIDENCE (SU AH PING V PP 1980 I MLJ 75 FC) .... BUT WHEN THERE IS DOUBT AS TO THE IDENTITY OF THE EXHIBITS,... FAILURE TO ADDUCE EVIDENCE TO PROVIDE THE NECESSARY LINK IN THE CHAIN OF EVIDENCE WOULD BE FATAL TO THE PROSECUTION'S CASE (TEOH HOE CHYE V PP)

- Pembuktian dan cara memberi keterangan di mahkamah
- Pegawai rampasan atau pegawai penyiasat akan memberi keterangan
- Eksibit atau barang kes tersebut pada sepanjang masa berada dalam kawalan saya
- Eksibit atau barang kes tersebut disimpan di dalam almari berkunci yang terletak dalam bilik pegawai penyiasat dimana pegawai penyiasat seorang sahaja yang memegang kunci almari tersebut. Almari tersebut tidak mempunyai apa-apa kunci pendua.

- Jika eksibit atau barang kes berada simpanan dalam stor maka salinan fotostat terhadap buku stor pada muka surat yang berkaitan perlu dibuat
- Penjaga stor akan disapina ke mahkamah untuk membawa salinan buku stor yang asal

A. DOKUMENTAR
B. BUKAN DOKUMENTAR
- Definisi 'DOKUMEN' rujuk

Seksyen 3 Akta Keterangan ertinya apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa yang terkandung dalam cakera,pita, filem, runut bunyi atau apa jua peranti yang menggunakan :-
huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, apa-apa rakaman visual, rakaman bunyi, rakaman elektronik, magnetik, mekanikal, apa-apa bunyi, dedenyut elektronik, suatu rakaman atau pemancaran dari suatu jarak.

- **Pembuktian kandungn dokumen melalui dua jenis keterangan**
- Seksyen 61 Akta Keterangan – kandungan dokumen boleh dibuktikan sama ada dengan keterangan primer atau dengan keterangan sekunder

- Keterangan primer – adalah dokumen asal
- Keterangan sekunder – adalah dokumen salinan.

- Peruntukan Undang-Undang?
- Terdapat dalam Akta Keterangan apakah dia keterangan primer dan skunder

- Seksyen 62 Akta Keterangan –
- Keterangan Primer - keterangan primer ertinya dokumen itu sendiri yang dikemukakan untuk pemeriksaan mahkamah

  - 'dokumen itu sendiri' – salinan asal dokumen

  - lihat huraian untuk senarai keterangan primer

- Seksyen 63 Akta Keterangan –
- Keterangan Sekunder – keterangan sekunder meliputi-

a) Salinan yang diperakui yang diberi menurut peruntukan-peruntukan yang terkandung
b) Salinan yang dibuat daripada naskah asal melalui proses mesin
c) Salinan yang dibuat daripada atau yang dibandingkan dengan naskah asal
d) Kaunterpart-kaunterpart dokumen terhadap pihak-pihak yangtidak menyempurnakannya

e) Keterangan lisan mengenai kandungan sesuatu dokumen yang diberi oleh seseorang yang telah melihat atau mendengar sendiri dokumen itu

Contoh:- salinan fotokopi, carbon copy, fax dan lain-lain

Cara untuk membukti :-

Kes Popular Industries v Eastern Garmet Manufacturing [1989] 3 MLJ 360

- It is firmly established rule requiring that when documentary evidence is tendered, primary evidence of the document itself is essential.

Kes Alliedbank (M) Bhd v Yau Jiok Hua [1998] 6 MLJ 1

- it is settled law that where a document is sought to be proved in order to establish the truth of the facts contained in it, the maker has to be called. Non-compliance with this rule will result in the contents of the document being hearsay

Kes Chong Khee Sang v Pang Ah Chee [1984] 1 MLJ 377

-it is the duty of the counsel to see that the documentary evidence upon which he relies is properly tendered in court and proved. After they have been proved he should also see that when admitted into evidence the documents are properly marked as required by law.

- Cara membuktikan keterangan dokumentari adalah melalui:-

a) Tuanpunya/ pemilik
b) Orang yang mempunyai kuasa
c) Pegawai rampasan/ serbuan
d) Pembuat eksibit
e) Pegawai penyiasat

- **Pembuktian dokumen primer**

- Kemukakan melalui empat orang saksi di atas
- 'lay foundation' atau kemukakan asas dahulu mengenai dokumen
- Ada membuat apa-apa penandaan
- Pengecaman
- Kemukakan sebagai eksibit

- **Pembuktian keterangan sekunder**

  - dapatkan salinan asal dan sekiranya tiada tanya dimana salinan asal

  - tanya kepada orang yang mempunyai kawalan dokumen sama ada usaha ada dibuat untuk mencari. Usaha juga perlu dibuat oleh pegawai penyiasat untuk mencari salinan asal

  - pastikan salinan adalah cukup terang untuk membuktikan sesuatu fakta di mahkamah

  - Kemukakan sebagai eksibit

- **Dokumen yang diproses melalui komputer/ dokumen yang dikeluarkan oleh komputer**

  - seksyen 90A(1) Akta Keterangan – dalam mana-mana prosiding jenayah atau sivil sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer atau sesuatu penyataan yang terkandung dalam dokumen itu, hendaklah boleh diterima sebagai keterangan.....jika dokumen itu telah dikeluarkan oleh komputer dalam perjalanan penggunanya yang biasa, sama ada atau tidak seseorang yang mengemukakan dokumen itu adalah pembuat dokumen

- Seksyen 90(A)(2) Akta Keterangan–
- dibuktikan bahawa sesuatu dokumen telah dikeluarkan oleh komputer dalam perjalanan penggunanya yang biasa dengan mengemukakan kepada mahkamah suatu perakuan yang telah ditandatangani oleh seseorang
- Tandatangan sama ada sebelum atau selepas pengeluaran dokumen
- Orang yang tandatangan itu bertanggungjawab bagi pengurusan pengendalian komputer atau bagi perjalanan aktiviti-aktiviti komputer itu

- 'perakuan' – maksud sijil
- Sijil dibawah seksyen 90A(2) Akta Keterangan
- Lihat - sampel

- Seksyen 90(A)(3)(a) – dalam perakuan di bawah subseksyen (2) adalah pada sepanjang masa dalam pengetahuan dan kepercayaan orang yang menyatakannya
- Seksyen 90(A)(4) – komputer yang disebut dalam perakuan di bawah subseksyen (2) hendaklah beroperasi dalam keadaan baik pada sepanjang masa dokumen itu dikeluarkan

- **CARA PEMBUKTIANNYA SECARA LISAN**
- Adalah dimana orang yang bertanggungjawab terhadap pengendalian dan pengurusan aktiviti komputer
- Hendaklah membuat perakuan pada sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya bahawa dokumen cetakan komputer tersebut adalah dikeluarkan dalam keadaan dan perjalanan secara kebiasaannya
- Komputer tersebut beroperasi dalam keadaan baik semasa dokumen itu dikeluarkan

- **Kamera/ kamera digital**

  - adalah dinasihatkan agar pegawai penyiasat atau juru kamera menggunakan kamera yang menggunakan filem untuk merakam gambar. Ini adalah kerana adalah senang untuk membuktikan eksibit dan ianya tidak akan dipertikaikan oleh pihak tertuduh

  - walau bagaimanapun dalam perkembangan fotografi digital banyak pihak telah menggunakan kamera digital untuk merakam gambar

- kelebihan kamera digital adalah gambar jelas, pemerolehan imej serta merta serta pengurangan kos pemprosesan dan penyelenggaraan

- Isu – Persoalan – bolehkah imej yang dirakam melalui kamera digital diterima di mahkamah?
- Jawapan: boleh

- Rujuk seksyen 3 Akta Keterangan 1950 dalam definisi 'komputer' ertinya apa-apa peranti bagi merekodkan, menyimpan, memproses, mendapatkan semula, atau mengeluarkan apa-apa maklumat atau hal lain atau bagi melaksanakan mana-mana satu fungsi atau lebih, tidak kira dengan nama atau perihalan apapun peranti itu disebut; dan jika dua komputer atau lebih menjalankan mana-mana satu fungsi itu atau lebih dalam satu kombinasi atau berturutan atau walau bagaimana jua pun selainnya disatukan, komputer-komputer itu hendaklah dikira satu komputer

- berdasarkan definisi di bawah seksyen 3 Akta Keterangan maka sebuah kamera digital boleh ditakrifkan sebagai satu komputer.

- ianya dilihat sebagai sebuah peranti yang boleh :

1) Merekod (capture)
2) Meyimpan (store)
3) Memproses (digital processing)
4) Mendapatkan semula (retrieve)
5) Mengeluarkan apa-apa maklumat (output)

- Setelah itu rujuk pula Huraian 3 dalam Seksyen 62 Akta Keterangan 1950 yang menyebut:-

  "suatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer adalah keterangan primer"

- Maksud primer adalah dokumen asal

- Memandangkan kamera digital adalah sebuah komputer, maka apa-apa gambar yang dicetak daripada imej yang dirakam dengan menggunakan kamera digital merupakan keterangan primer. Gambar berkenaan boleh dikemukakan di mahkamah sebagai keterangan primer. Keterangan gambar digital hendaklah dikemukakan ke mahkamah oleh jurugambar yang merakam gambar-gambar berkenaan

- Berdasarkan kepada keadaan ini maka keterangan digital bolehdikemukakan ke mahkamah dengan menggunakan perakuan di bawah seksyen 90A(2) Akta Keterangan 1950
- Sekiranya jurugambar tidak hadir maka sijil perakuan boleh dikemukakan oleh pegawai penyiasat

- **Rakaman audio**

- Beberapa perkara perlu dipatuhi sebelum sesuatu keterangan rakaman diterima:-

a) Tape telah diperiksa (run through) dan didapati bersih sebelum rakaman

b) Mesin rakaman berada dalam keadaan baik

c) Tape tidak diusik (tampered) atau dipinda (altered) dimana perlu dibuktikan posesi tape tersebut pada sepanjang masa

d) Pegawai boleh mengenalpasti suara siapakah yang dirakam apabila tape dimainkan setelah dirakam

e) Satu transkrip disediakan berkaitan suara dalam rakaman tersebut

f) Pegawai telah memainkan semula rakaman dan menyemak sekali lagi terhadap suara dan identiti suara dalam perbualan yang telah dirakam

- Dokumen yang tiada dalam milikan pegawai penyiasat
- Bagaimana hendak memperolehinya?
- Seksyen 66 Akta Keterangan– mengemukakan satu notis
- Di mahkamah notis itu dikemukakn di bawah seksyen 65 di mana keterangan sekunder boleh diberikan mengenai kewujudan, keadaan atau kandungan sesuatu dokumen yang boleh diterima sebagai keterangan apabila dokumen asal ternyata dalam milikan orang yang telah diserahkan notis di bawah seksyen 66, tetapi tidak mengemukakannya

SEKIAN

TERIMA KASIH